

11 APR 2000

Musa-Perhimpunan

MUSA BERI AMARAN KERAS GURU, PELAJAR DEMONSTRASI

PETALING JAYA, 11 April (Bernama) -- Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad hari ini memberi amaran bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap pelajar dan guru yang menyertai perhimpunan haram yang dirancang oleh Parti Keadilan Nasional di sini Sabtu ini.

Sambil mengingatkan pelajar dan pendidik supaya jangan terlibat dengan perhimpunan itu, beliau berkata Kementerian Pendidikan akan bertindak terhadap mereka.

"Saya nasihatkan semua pelajar dan juga guru, jangan sekali-kali terlibat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Formula Malaysia di sini.

Ahad lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau mempunyai maklumat penyokong Keadilan merancang melakukan keganasan pada Jumaat dan Sabtu ini.

Ketua Pemuda Keadilan Ezam Mohd Noor dilaporkan berkata bahawa perhimpunan itu akan tetap diteruskan Jumaat ini di Masjid Negara untuk memperingati ulang tahun pertama bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan.

Musa berkata besar kemungkinan perhimpunan serupa itu akan terlanjur menjadi ganas dan boleh mengakibatkan kecederaan serta kerosakan harta benda.

"Perhimpunan seperti itu tidak harus disertai oleh para pelajar atau guru, malah ianya ditegah sama sekali," katanya.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) Saifuddin Abdullah ketika menasihati belia jangan menyertai perhimpunan haram itu berkata para belia jangan mudah emosional sehingga mudah dibakar semangat oleh pihak-pihak yang mempunyai tujuan tertentu mempergunakan mereka.

"Kita tak boleh emosional sebaliknya mesti sentiasa tenang, sabar dan rasional membuat pertimbangan sebelum terikut-ikut," katanya.

Saifuddin menasihatkan belia yang tidak puas hati dalam apa juga hal supaya menyuarakannya melalui saluran yang betul seperti persatuan belia dan persatuan mahasiswa.

Ketika diminta mengulas mengenai kemungkinan guru besar dan pengetua sekolah diberikan kuasa polis tambahan untuk membolehkan mereka membanteras kes samseng di sekolah, Musa berkata perbincangan lanjut mengenai perkara itu akan diadakan minggu depan.

"Ketua Polis Negara atau pegawainya akan berjumpa dengan Ketua Pengarah Pendidikan atau pegawai kita mengenai cara mana kuasa-kuasa berkaitan dapat diturunkan (kepada pengetua dan guru besar)," katanya.

Sabtu lepas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata di Seremban bahawa guru besar dan pengetua sekolah akan diberikan kuasa tertentu untuk membanteras samseng atau kegiatan jenayah di kalangan pelajar sekolah kerana masalah itu perlu diberikan perhatian serius.

-- BERNAMA

MNY MAI